



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Syarahan Perdana ke-9

SYARAHAN PERDANA

Labour, Human Capital and Economic Development in Sabah

Disampaikan oleh:

PROFESOR DATUK DR. HJ. KASIM HJ. MD. MANSUR
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan



12 Mac 2021, Jumaat | 9.30 pagi | Universiti Malaysia Sabah



Transformation towards
**UNIVERSITY
INDUSTRY 4.0**

UMS KAMPUS RAHMAH
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

DINAMIK • LESTARI • INTEGRITI • KEADILAN • KEGEMBIRAAN



Majlis
SYARAHAN PERDANA
*Labour, Human Capital and
Economic Development in Sabah*

Disampaikan oleh:

PROFESOR DATUK DR. HJ. KASIM HJ. MD. MANSUR
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan




12 Mac 2021, Jumaat | 9.30 pagi

Galeri Majlis, Aras 3, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah



DINAMIK • LESTARI • INTEGRITI • KEADILAN • KEGEMBIRAAN



PERUTUSAN NAIB CANSOLOR

— ❦ —

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam UMS Kampus Rahmah.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama mengikuti syarahan perdana yang disampaikan oleh Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur yang bertajuk *Labour, Human Capital and Development in Sabah*.

Beliau merupakan seorang tokoh yang berpengalaman dan tidak asing dalam bidang perburuhan, modal manusia dan ekonomi Islam khususnya di negeri Sabah. Peranan beliau amat signifikan melalui sumbangan kepakaran dalam pembangunan ekonomi dan modal manusia selari dengan aspirasi kerajaan negeri Sabah selain dapat menyokong tujahan penyelidikan bidang keutamaan UMS iaitu pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal manusia.

Secara umumnya, Majlis Syarahan Perdana ini adalah satu tradisi akademik yang sangat penting bagi seorang profesor. Majlis ini merupakan satu platform untuk berkongsi dan menyebar luas ilmu pengetahuan, kepakaran dan cambahan idea inovatif. Selain

itu, majlis ini juga dianjurkan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap ketokohan dan keserjanaan akademik beliau sebagai pemikir yang telah banyak memberi sumbangan dan kepakaran dalam dunia akademik, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur atas budi dan jasa beliau. Pihak universiti amat berbangga dan mengiktiraf segala komitmen dan usaha gigih beliau. Saya berharap agar ketokohan serta kejayaan yang dicapai akan menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada para ahli akademik yang lain untuk terus berusaha ke arah mencapai kecemerlangan selaras dengan moto UMS iaitu "Bertekad Cemerlang".

Sekian dan terima kasih.

YBhg. Profesor Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
FASc, FRSC, FMIC, CChem., PJJ
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

PRAKATA PENDAFTAR



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera salam UMS Kampus Rahmah.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan taufik dan hidayah-Nya, Majlis Syarahan Perdana Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur dapat dianjurkan dengan sempurna. Perkongsian ilmu dalam majlis syarahan ini amat bermakna dalam menonjolkan kepakaran dan ketokohan beliau serta mampu meningkatkan reputasi Universiti Malaysia Sabah sebagai sebuah universiti yang bertaraf global.

Saya berharap majlis sebegini akan terus dianjurkan secara lebih kerap agar dapat menjadi wadah perkongsian ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak. Sesungguhnya, Jabatan Pendaftar akan terus berusaha dalam memastikan perkembangan kerjaya kakitangan akademik khususnya dengan meningkatkan tadbir urus yang cemerlang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak Jabatan Pendaftar untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak khususnya kepada jawatankuasa Majlis Syarahan Perdana yang telah menyumbangkan tenaga, usaha dan kerjasama bagi menjayakan majlis ini sepenuhnya.

Semoga komitmen dan semangat berpasukan sebegini akan kekal berterusan lagi untuk masa-masa yang akan datang demi kecemerlangan universiti.

Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur atas syarahan perdana yang disampaikan. Diharapkan syarahan ini akan dapat memberi input berguna kepada semua pihak khususnya kepada penggubal dasar pembangunan ekonomi dan modal manusia di negeri Sabah.

Sekian dan terima kasih.

YBrs. Encik Luqman Ridha Anwar
Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah

ATUR CARA



8.30 pagi	Ketibaan kakitangan dan jempunan
8.45 pagi	Ketibaan tetamu khas
9.00 pagi	Ketibaan YBhg. Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur Pemidato
9.10 pagi	Ketibaan YBhg. Profesor Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin Naib Canselor UMS
9.20 pagi	Ketibaan YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor Ketua Menteri Sabah
9.30 pagi	Majlis bermula Nyanyian lagu "Negaraku" dan "Sabah Tanah Airku" Bacaan doa Tayangan video Pemidato Pengenalan Pemidato oleh: YBhg. Profesor Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin Naib Canselor UMS Syarahan Perdana oleh: YBhg. Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur Tajuk: <i>Labour, Human Capital and Economic Development in Sabah</i> Penyerahan buku Pemidato kepada Naib Canselor Nyanyian lagu "Bertekad Cemerlang" Lawatan ke tapak pameran Jamuan makan
11.30 pagi	Majlis selesai



PROFESOR DATUK DR. HJ. KASIM HJ. MD. MANSUR

Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur dilahirkan pada 26 Mei 1961 di Kg. Rampayan, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Beliau telah memperolehi Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (1984) dan Sarjana dalam bidang Ekonomi daripada Indiana State University, Terre Haute, Indiana, Amerika Syarikat. Pada tahun 1995, beliau telah dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah di University of Wisconsin-Milwaukee, Wisconsin, Amerika Syarikat. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi pembangunan dan ekonomi buruh pada tahun 2000.

Sepanjang kerjaya akademiknya, beliau telah diberi amanah menyanggah beberapa jawatan pentadbiran penting di Universiti Malaysia Sabah. Beliau memperolehi pengalaman pertama dalam pentadbiran universiti apabila dilantik sebagai Ketua Program Ekonomi Sumber Manusia (HE11) di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi dari tahun 2001 – 2002. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan Pengajian Pascasiswazah dari tahun 2002 – 2003. Beliau juga dilantik sebagai Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, dari tahun 2003 – 2009. Dengan teladan kepimpinan dan kecemerlangan Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Alumni dan Hal Ehwal Pelajar) UMS dari tahun 2009 hingga 2014. Kini, beliau adalah profesor dalam bidang

5

ekonomi sumber manusia, menyanggah jawatan akademik (pengajaran dan penyeliaan) serta memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.

Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur juga aktif dalam aktiviti penyelidikan, penulisan dan perundangan. Dalam tempoh lebih kurang dua dekad kerjaya beliau, beliau telah menerajui dan terlibat dalam banyak projek penyelidikan dalam pelbagai bidang iaitu modal insan dan ekonomi pembangunan terutamanya bidang pembasmian kemiskinan dan zakat dengan dana daripada agensi kerajaan serta badan antarabangsa. Di samping itu, beliau telah menyelia lebih daripada 20 pelajar Doktor Falsafah dan Sarjana di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliau telah menerbitkan lebih daripada 100 penerbitan dalam bentuk artikel jurnal, bab dalam buku, buku, prosiding, dan kertas kerja persidangan. Kertas kerja berwasit beliau telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal ekonomi bereputasi tinggi seperti dalam *The Singapore Economic Review*, *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, *Asian Journal of Technology Management*, *Journal of Innovation Economics and Management* dan *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*.

Nama Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur juga tidak asing dalam karya buku ilmiah. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 15 penerbitan buku. Beberapa buku penulisan beliau yang dikenali dan baru diterbitkan adalah seperti *Human Resource Economics: Issues and Perspectives*, *Collections of*

Studies on Sabah dan Sabah-Kalimantan Economic Relations. Beliau juga merupakan Penyunting Bersama dalam Sidang Editorial bagi *Borneo Review* terbitan Institute of Development Study Sabah (IDS).

Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur juga telah menerima beberapa pengiktirafan dan memenangi beberapa anugerah di atas sumbangan besar beliau di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau telah dianugerahkan Pingat Cross of Friendship oleh kerajaan PDR Laos pada tahun 2014 atas kapasiti beliau sebagai pengerusi penganjur ASEAN University Games di Vientiane, Lao PDR dengan jayanya.

Di peringkat antarabangsa, beliau telah menerima anugerah *The Asian HRD Awards 2017* bagi menghargai sumbangan beliau dalam pembangunan komuniti sumber manusia. Dalam bidang sukan, beliau adalah Presiden bagi Malaysian University Sports Council (MASUM) pada tahun 2011 – 2014. Beliau juga merupakan Presiden bagi ASEAN University Sports Council di antara tahun 2012 sehingga 2014. Beliau telah dilantik sebagai Chef de Mission ke World University Games (WUG) di Kazan, Russia pada tahun 2013. Bagi mengiktiraf kecemerlangan kepimpinan beliau di peringkat universiti di Malaysia, beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Sukan Universiti-universiti Malaysia pada tahun 2014.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, beliau telah dijemput sebagai penguacaptama, penyampai dan moderator dalam persidangan dan seminar di peringkat nasional, serantau dan

antarabangsa. Beliau juga telah dilantik sebagai profesor pelawat serta felo penasihat kepada beberapa buah universiti, institusi dan pusat kecemerlangan. Ini termasuk universiti di China iaitu Hebei Normal University, University of International Business and Economics (UIBE), Petro-Chemical Institute Beijing, Beihang University, Guizhou University; The National Institute of Development Administration NIDA, Bangkok, Thailand dan Wako University, Tokyo, Jepun.

Dengan kemampuan profesional beliau, Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur telah dilantik selaku penasihat kepada Society Empowerment Economic Development of Sabah (SEEDS) sebuah badan NGO di Sabah sejak tahun 2016. Beliau juga telah dilantik sebagai penasihat kepada Association of China-ASEAN Education and Training Centres, Guizhou University, di China (2016 – 2021). Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim juga telah dijemput sebagai Felo Penyelidik di pelbagai institusi pengajian tinggi termasuklah Palawan State University, Filipina; Ungku Aziz Centre for Development Studies, Universiti Malaya (2017 – 2020) dan Open University Malaysia, cawangan Sabah. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi dalam Majlis Profesor Negara (MPN) – UMS Chapter yang mengurus Kluster Pembangunan Sosio-Ekonomi dari tahun 2017 sehingga 2021.

Selain peranan sebagai ahli akademik, Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur turut menyumbang kepakaran dan kemahiran kepada masyarakat. Beliau dilantik sebagai Ketua Majlis Perundingan Sepanggar, Kota Kinabalu pada tahun 2018 dan sebagai Naib Presiden (Naib Yang DiPertua), Persatuan Islam

Sabah Bersatu (USIA) dari tahun 2017 hingga sekarang. Beliau juga menjadi Pengerusi Ko-UMS sejak 2017 dan ahli Lembaga Pengarah Pengurusan Waqaf Sabah (2019 – 2022). Jasa bakti dan sumbangan beliau telah diiktiraf oleh kerajaan negeri Sabah di mana beliau dikurniakan ADK (2006), ASDK (2010) dan PGDK (2011) yang telah membawa gelaran Datuk dalam Majlis Pengurniaan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran sempena sambutan Hari Jadi Rasmi Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Kepakaran dan peranan penting Profesor Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur dalam pemerkasaan dan pembangunan masyarakat setempat juga diiktiraf dengan pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Sabah pada November 2020. Dalam usaha kerajaan negeri untuk memulihkan keadaan ekonomi daripada impak COVID-19, beliau telah dilantik mempengerusikan Model Baharu Ekonomi Negeri Sabah pada tahun 2020. Beliau berhasrat untuk terus membangunkan tenaga kerja dan modal insan sebagai elemen penting bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Sabah.

SINOPSIS SYARAHAN

— ❦ —

Labour, Human Capital and Economic Development in Sabah

Pembangunan ekonomi negeri Sabah adalah penting dan merupakan usaha berterusan demi memastikan Sabah boleh bersaing dalam ekonomi yang semakin kompetitif. Syarahan ini akan meneroka isu sosioekonomi di Sabah terutamanya dalam usaha meningkatkan pelaburan modal manusia dan infrastruktur. Justeru, elemen ini adalah penyumbang dan penggerak utama untuk pertumbuhan ekonomi Sabah.

Dalam syarahan ini, beberapa teori berkaitan pertumbuhan ekonomi akan dibincangkan. Seterusnya, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah, isu, cabaran dan solusi berkaitan dengan pembangunan modal insan pengurangan kemiskinan, dan peranan zakat akan dikupas.

Oleh itu, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi merupakan agenda yang berterusan untuk memastikan kelangsungan hidup generasi masa hadapan dalam keadaan ekonomi yang kondusif selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*).

Ketersediaan dan peranan pekerja berpendidikan adalah pemangkin dalam era ekonomi digital. Dalam konteks ini, pewujudan ekosistem modal insan yang mantap, meningkatkan kemahiran dan tenaga kerja khususnya di negeri Sabah adalah penting dan seharusnya menjadi agenda utama dalam pembangunan ekonomi.

Syarahan ini menekankan kepentingan lonjakan pembangunan ekonomi Sabah yang boleh dicapai melalui sinergi dan usaha bersepadu di antara kerajaan negeri dan persekutuan, industri, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat. Inisiatif ini penting untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan taraf hidup masyarakat.

Kesimpulannya, syarahan ini sangat signifikan dalam konteks pembangunan ekonomi negeri di Sabah dan secara tidak langsung menawarkan perspektif yang menyeluruh khususnya dalam aspek berkaitan perburuhan, modal insan dan ekonomi Islam.

JAWATANKUASA PELAKSANA

— ❦ —

Pengerusi

Dr. Arif @ Kamisan Pusiran

Floor Manager

Pn. Jumiati Pajakkai

Pembaca Doa

Ustaz Yusri Sumin

Jawatankuasa Keurusetiaan Majlis

Pn. Jumiati Pajakkai

Pn. Elizabeth Martin

Pn. Sendrawati Minin

Pn. Nurul Shadah Matbi

Pengarang Biodata Rasmi Pemedato

Dr. Jakaria Dasan

Juruacara Majlis

Dr. Borhan Abdullah

Jawatankuasa Penyediaan Jubah

En. Razmi Awang Osman

Jawatankuasa Logistik

En. Ujin Matjin

En. Ridhwan Sapli

Jawatankuasa Buku Syarahan

Pn. Lindsay Lorraine Majawat

En. Marshall Kanam Gombor

En. Nataniel Ebin

Jawatankuasa Buku Program

Dr. Khairul Hanim Pazim

Dr. Lim Fui Yee Beatrice

Dr. Siti Hajar Samsu

Pn. Dayangku Aslinah Abd Rahim

Pn. Roslinah Mahmud

Jawatankuasa Kewangan

En. Razmi Awang Osman

Jawatankuasa Media dan Publisiti

En. Che Hasruddin Che Hasan

En. Mohd Affzanizam Mohd Amin

Pn. Faezah Mohamad Dun

Jawatankuasa Keselamatan

Lt. Kolonel Abdul Talib Arifin

Insp/Pb. Rakam Singh A/L Karam Singh

Jawatankuasa Multimedia & Teknikal

En. Suprianto Mohd Noor

En. Ak Hazrin Pg. Apong

En. Zainuddin Hashim

En. Allen Kayner Ongut Majambun

En. Johaidi Ismail

En. Musaab Umair Ambotola

Jawatankuasa Pameran

Cik Noor Faziedah Chun Lee

Dr. Cheong Jia Qi

Dr. James Eng @ James Mohd Alin

Dr. Oscar Dousin

Dr. Junaidah Zeno

Dr. Andi Tamsang Andi Kele

Pn. Christie Nilus

Cik Suzanna Alian

Jawatankuasa Jamuan

Cik Rostika Petrus Boroh

Pn. Hasmawateh Aminuddin

Cik Army Azryyanna Poniran

